

0020

U B009 A A B  
MAHATHIR - PAS R'R'R'

**TEMERLOH, 4 D I S (BERNAMA)-- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MEMINTA PAS MENELADANI LANGKAH PARTI KOMUNIS MALAYA (PKM) DENGAN MEMBERHENTIKAN PERJUANGAN MEREKA DALAM POLITIK.**

**+SAYA MINTA SUPAYA PEMIMPIN-PEMIMPIN PAS DAN AANGGOTA SERTA PENYOKONG-PENYOKONGNYA SUPAYA INSAF. CHIN PENG SUDAH BERHENTI, PAS PATUT BERHENTILAH,+ KATANYA DISAMBUT DENGAN TEPUKAN GEMURUH OLEH KIRA-KIRA 5,000 ORANG HADIRIN PADA PERHIMPUNAN PERPADUAN UMNO PAHANG DI SINI.**

**MENURUT PERDANA MENTERI, MAJORITI DARIPADA MASYARAKAT TIDAK DAPAT MENERIMA PERJUANGAN PAS DAN PARTI ITU TIDAK DAPAT HENYUMBANG APA-APA KECUALI +CAKAP-CAKAP SAHAJA+.**

**KEJAYAAN PAS, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR, IALAH DALAM SOAL MEMECAHBELAHKAN MASYARAKAT ISLAM DENGAN ISU-ISU DUA IMAM, DUA MASJID DAN DUA KUBUR DAN MELARANG ANAK-ANAK MEREKA BERKAHWIN DENGAN ANAK-ANAK ANGGOTA UMNO.**

**DATUK SERI DR MAHATHIR SETERUSNYA MENYINGKAP KEMBALI PEMERINTAHAN 18 TAHUN PAS DI KELANTAN YANG, MENURUTNYA, TELAH MENYEBABKAN NEGERI ITU TERKEBELAKANG SELAMA 20 TAHUN DARIPADA NEGERI-NEGERI LAIN. -- LAGI**

1400MST 04 12 89

**D840**

U B016 A A B  
MAHATHIR - PAS 2 TEMERLOH

**DARIPADA SEGI ISLAM PULA, KATANYA, PAS MENDAKWA IA MEMPERJUANGKAN ISLAM TETAPI SELAMA MEMERINTAH NEGERI ITU, PERKEMBANGAN ISLAM DI KELANTAN TIDAK MELEBIHI PERKEMBANGAN ISLAM DI NEGERI-NEGERI LAIN.**

**DATUK SERI DR MAHATHIR SETERUSNYA BERKATA PERJUANGAN PAS UNTUK ISLAM HANYA DI MULUT SAHAJA DAN MEREKA MEMANG PINTAR MENGGUNAKAN AYAT-AYAT QURAN DAN SUNNAH NABI UNTUK KEPENTINGAN DIRI SENDIRI.**

**+MEREKA ANGGAP ISLAM SEBAGAI ALAT, BUKAN MATLAMAT KERANA MEREKA TAHU BAHAWA ORANG MELAYU SANGAT KUAT (BERPEGANG) KEPADA ISLAM DAN TIDAK MENYOAL (AYAT-AYAT YANG DIKELUARKAN),+ KATANYA.**

**PEMIMPIN-PEMLMPIN PAS JUGA, KATANYA, GEMAR MENGECEM PIHAK LAIN APABILA MEREKA BERKESEMPATAN UNTUK BERCAKAP HINGGAKAN UCAPAN DALAM PERHIMPUNAN AGUNG UMNO BARU-BAU INI MENGENAI ISLAM DILAPORKAN KEPAC'A POLIS.**

**+SAYA CAKAP LAIN DALAM PERHIMPUNAN AGUNG UMNO, DIA KATA LAIN HINGGA MELAPORKAN KEPADA POLIS+, KATA PERDANA MENTERI, YANG JELAS MERUJUK KEPADA TINDAKAN TIMBALAN KETUA PEMUDA PAS, ENCIK MOHAMED SABU, YANG MELAPORKAN KEPADA POLIS DENGAN MENDAKWA UCAPAN PERDANA MENTERI TELAH MENGHINA AGAMA ISLAM. -- LAGI**

1434MST 04 12 89

**D859**

U B025 A A B  
MAHATHIR - PAS 3 TEMERLOH

**YANG TURUT HADIR IALAH PENERUSI PERHUBUNGAN UMNO NEGERI, TAN SRI KHALIL YAAKOB, MENTERI BELIA DAN SUKAN, DATUK SERI NAJIB TUN RAZAK, MENTERI BURUH, DATUK LIM AH LEK, MENTERI KEBUDAYAAN DAN PELANCONGAN, DATUK SABBARUDDIN CHIK, SERTA ANGGOTA-ANGGOTA MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI PAHANG.**

**SEBELUM ITU, PERDANA MENTERI, YANG DIIRINGI OLEH ISTERINYA, DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH MOHD ALI, TELAH DISAMBUT DENGAN PALUAN KOMPANG SETIBANYA DI PERKARANGAN DEWAN TUN RAZAK DI SINI.**

**PERDANA MENTERI KEMUDIANNYA MENGHADIRI PERJUMPAAN DENGAN ORANG RAMAI DI RANCANGAN TANAH FELDA KAMPUNG AWAH, DEKAT SINI. -- BERNAMA**  
1525tIST 04 12 89